

Persepsi Pelajar Terhadap Tahap Kesesuaian dan Tahap Kemahiran Insaniah Kursus-Kursus Program Ko-Kurikulum Berkredit Universiti Malaysia Sabah

(Student's Perception on Appropriateness and Soft Skills Level of Universiti Malaysia Sabah Co-Curriculum Program Courses With Credit)

Crispina Gregory K Han^{1*} , Mohammad Azri Amatan² , Colonius Atang³ 
Jurry Foo⁴ 

¹Fakulti Psikologi Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: crispina@ums.edu.my

²Fakulti Psikologi Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.
Email: mohammad_azri_dp20@iluv.ums.edu.my

³Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: colonius@ums.edu.my

⁴Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar, Universiti Malaysia Sabah (UMS), 88400, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Email: jurryfm@ums.edu.my

CORRESPONDING

AUTHOR (*):

Crispina Gregory K Han
(crispina@ums.edu.my)

KATA KUNCI:

Kemahiran Insaniah
Program Ko-Kurikulum
Ko-Kurikulum Berkredit

KEYWORDS:

Soft skills
Co-Curriculum Program
Co-Curriculum with credit

CITATION:

Crispina Gregory K Han et al. (2023). Tahap Kesesuaian dan Tahap kemahiran Insaniah Kursus-Kursus Program Ko-Kurikulum Berkredit Universiti Malaysia Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(5), e002294. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i5.2294>

ABSTRAK

Penubuhan Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar sejak tahun 2002 menuntut kewajaran suatu kajian penilaian dilaksanakan bagi meninjau pelaksanaannya. Tujuan kajian adalah untuk menilai tahap kesesuaian dan tahap kemahiran insaniah Program Ko-Kurikulum Berkredit di Universiti Malaysia Sabah. Pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan hirisan rentas digunakan dalam kajian penilaian ini. Data diperoleh melalui instrumen soal selidik melibatkan seramai 547 pelajar di Semester 2 Sesi 2021-2022 Universiti Malaysia Sabah. Sampel diperoleh menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Perisian *IBM Statistical Package for Social Science (SPSS)* versi 25.0 digunakan untuk penganalisan data. Hasil kajian mendapati 65.8% responden menyatakan jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum berkredit di Universiti Malaysia Sabah adalah pada tahap sesuai dan sangat sesuai untuk dilaksanakan. Seramai 75% responden pula menyatakan kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit yang ditawarkan adalah pada tahap sesuai dan sangat sesuai. Hasil kajian juga mendapati tahap kemahiran insaniah seperti kerja berkumpulan dan kepimpinan dalam kalangan pelajar berada pada tahap tinggi. Dapatan ini memberi implikasi bahawa kursus-kursus ko-kurikulum berkredit di Universiti Malaysia Sabah mempunyai kewajaran untuk diteruskan dan ditambah baik.

ABSTRACT

The establishment of the Centre for Co-Curriculum and Student Development since 2002 demanded the appropriateness of an evaluation study to be carried out to review its implementation. The purpose of the study is to evaluate the level of appropriateness and the level of soft skills of the Credited Co-Curriculum Program at Universiti Malaysia Sabah. A quantitative approach in the form of a cross-sectional survey was used in this evaluation study. Data was obtained through a questionnaire instrument involving a total of 547 students in Semester 2 Session 2021-2022 of Universiti Malaysia Sabah. The sample was obtained using a simple random sampling technique. IBM Statistical Package for Social Science (SPSS) version 25.0 software was used for data analysis. The results of the study found that 65.8% of the respondents stated that the number of credit hours of credit co-curriculum courses at Universiti Malaysia Sabah was at an appropriate level and very suitable for implementation. As many as 75% of the respondents stated that the credit co-curriculum program courses offered were at an appropriate level and very appropriate. The results of the study also found that the level of soft skills such as group work and leadership among students is at a high level. This finding implies that credit co-curriculum courses at Universiti Malaysia Sabah have the justification to continue and improve.

Sumbangan/Keaslian: Kajian ini berjaya menghasilkan maklumat berkaitan keberkesanan program kokurikulum yang ditawarkan di Universiti Malaysia Sabah, iaitu secara khusus berjaya menjawab objektif kajian berhubung tahap kesesuaian jumlah jam kredit kursus-kursus Ko-Kurikulum Berkredit, berjaya mengenal pasti tahap kesesuaian kursus-kursus program Ko-Kurikulum Berkredit, serta berjaya mengenal pasti tahap kemahiran insaniah (kerja berkumpulan dan kepimpinan) dalam kalangan pelajar di Universiti Malaysia Sabah.

1. Pengenalan

Penubuhan Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) bertujuan untuk melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, membangunkan ketahanan fizikal, mental dan rohani pelajar, menjana pemikiran kreatif, inovatif, produktif dan proaktif serta menanamkan semangat keyakinan dan cecal menghadapi cabaran (Universiti Malaysia Sabah, 2017). Sejak penubuhan Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP), program ko-kurikulum belum pernah dibuat sebarang penilaian terhadap kursus-kursus yang ditawarkan oleh PKPP, UMS, sama ada kemahiran insaniah telah dipupuk dan dikuasai oleh pelajar. Justeru, jangka masa 21 tahun sehingga tahun 2023, penawaran kursus ko-kurikulum sudah cukup matang dan wajar untuk dibuat penilaian. Penilaian program ko-kurikulum bertujuan untuk penambahbaikan dan memberi informasi yang tepat untuk pembuat dasar membuat keputusan. Program kokurikulum wajar diperkukuhkan terutamanya di peringkat pengajian tinggi (Mohd Azam et al., 2016). Justeru, objektif utama kajian ini ditetapkan adalah membuat penilaian program ko-kurikulum yang ditawarkan oleh PKPP, UMS. Ringkasnya, dapatan kajian yang diperolehi melalui data driven dapat

memberi panduan kepada pembuat dasar untuk membuat satu keputusan yang tepat dan jitu sama ada kursus-kursus yang ditawarkan akan terus dikekalkan, digugurkan ataupun diubahsuai untuk tujuan penambahbaikan.

1.1. Pernyataan Masalah

Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) ditubuhkan pada 1hb Jun 2002 yang bermatlamat melahirkan mahasiswa dan mahasiswi yang seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani, membangunkan ketahanan fizikal, mental dan rohani pelajar, menjana pemikiran kreatif, inovatif, produktif dan proaktif serta menanamkan semangat keyakinan dan cecal menghadapi cabaran ([Universiti Malaysia Sabah, 2017](#)) melalui penawaran kursus-kursus ko-kurikulum dalam membantu membangunkan daya dan potensi pelajar bagi penguasaan kemahiran insaniah melalui aktiviti pemajuan pelajar. Sejak tempoh tersebut, belum ada usaha penilaian dilakukan terhadap pelaksanaan penawaran program ko-kurikulum. Justeru, sehingga kini tiada suatu maklumat khusus yang memberikan gambaran menyeluruh tentang tahap sebenar pelaksanaannya terutama dari aspek pandangan pelajar-pelajar UMS sejak ditawarkan sekian lama. Lanjutan daripada situasi ini, maka wajarlah kajian ini dilaksanakan untuk mendapatkan gambaran yang tepat dan telus mengenai penawaran kursus-kursus berkredit di bawah program ko-kurikulum Universiti Malaysia Sabah.

Dalam konteks Institusi Pendidikan Tinggi (IPT), umum mengetahui kelebihan dan keperluan pelaksanaan program ko-kurikulum dalam sistem pendidikan negara Malaysia. Namun, persoalan yang sering timbul adalah apakah tahap kesesuaian program ko-kurikulum berdasarkan kursus-kursus yang ditawarkan. Perkara ini mustahak ditentukan bagi memastikan pelaksanaan berada di landasan betul, terutama dalam menilai tahap kesesuaian Jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum yang ditawarkan, menilai tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit dan juga menilai sejauh manakah tahap kemahiran insaniah (kerja berkumpulan dan kepimpinan) dalam kalangan pelajar-pelajar UMS. Persoalan ini wajar diselesaikan bagi memastikan segala perancangan dilakukan adalah relevan ke arah mencapai matlamat. Tambahan pula dari aspek amalan pelaksanaan di IPT menawarkan kursus ko-kurikulum yang mempunyai tiga jam kredit dan satu jam kredit perlu diberikan justifikasi yang tepat agar benar-benar berkesan dalam mencapai objektifnya. Demikian juga persoalan dalam menentukan sama ada aspek kemahiran insaniah yang terdapat dalam program ko-kurikulum tersebut dapat diperolehi sepenuhnya oleh pelajar dan adakah benar-benar menepati keperluan kebolehpasaran graduan masa kini. Sementara itu, mustahak juga untuk menentukan sama ada program ko-kurikulum terbabit sesuai dilaksanakan.

Disebabkan program ko-kurikulum telah dilaksanakan oleh PKPP semenjak 2002, maka satu bentuk kajian penilaian mengambil pendekatan tinjauan wajar dilaksanakan berhubung keberkesanan program kokurikulum berdasarkan kursus-kursus ditawarkan di UMS berkaitan objektif kajian ditetapkan. Maklumat ini penting sebagai maklum balas kepada semua pihak terlibat dalam merancang dan melaksanakan penambahbaikan bagi meningkatkan keberkesanan program ko-kurikulum di UMS. Dalam hal ini, penilaian adalah satu disiplin yang amat penting bagi memastikan suatu program atau projek itu berjaya. Suatu program atau projek itu tidak boleh dikatakan berjaya setelah kekuatan dan kelemahannya dapat dikesan. [Stufflebeam dan Shinkfield \(2007\)](#) menegaskan penambahbaikan adalah tujuan utama penilaian dijalankan dan bukanlah untuk tujuan pembuktian. Oleh itu, dapatan kajian ini dapat menyediakan maklumat agar langkah

pembetulan dapat diambil dan proses penambahbaikan dapat dilaksanakan agar suatu program itu mencapai matlamat yang dihasratkan.

1.3. Tujuan dan Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kesesuaian program ko-kurikulum Universiti Malaysia Sabah dari aspek jumlah jam kredit kursus ko-kurikulum, dan tahap pencapaian kemahiran insaniah (kerja berkumpulan dan kepimpinan). Objektif kajian adalah seperti berikut;

- I. Mengetahui tahap kesesuaian jumlah jam kredit kursus-kursus Ko-Kurikulum Berkredit Universiti Malaysia Sabah
- II. Mengetahui tahap kesesuaian kursus-kursus program Ko-Kurikulum Berkredit Universiti Malaysia Sabah
- III. Mengetahui tahap kemahiran insaniah (kerja berkumpulan dan kepimpinan) dalam kalangan pelajar Universiti Malaysia Sabah

2. Metod Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kuantitatif iaitu jenis tinjauan hirisan rentas melibatkan seramai 547 orang pelajar Universiti Malaysia Sabah yang mengikuti program ko-kurikulum pada Semester 2 Sesi 2021-2022 meliputi 25 kursus-kursus program kokurikulum berkredit yang ditawarkan oleh Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP). Kaedah pensampelan yang digunakan adalah pensampelan rawak mudah. Instrumen kajian ini menggunakan borang soal selidik yang diadaptasi dan diubah suai daripada [Ismail \(2015\)](#). Instrumen kajian ini ditadbir menggunakan pautan 'google forms' borang soal selidik kepada responden kajian. Perisian IBM SPSS Statistics Versi 25.0 diaplikasikan bagi menjalankan analisis statistik deskriptif.

3. Hasil Kajian

Analisis ujian kebolehpercayaan dan kenormalan data soal selidik dilaksanakan terlebih dahulu sebelum melaksanakan analisis statistik deskriptif.

3.1. Ujian Kenormalan

Ujian kenormalan dilakukan ke atas data soal selidik kajian. Julat bagi kriteria nilai kepencongan (*skewness*) dan kecerunan (*kurtosis*) bagi penentuan normaliti data adalah, -1 dan 1 ([Tabachnick & Fidell, 2007](#); [Hair et al., 2010](#)). Hasil analisis mendapati nilai *skewness* dan *kurtosis* soal selidik adalah bertaburan normal ([Jadual 1](#)).

Jadual 1: Keputusan Ujian Taburan Normaliti Kajian Rintis

	N	Skewness		Kurtosis	
		Statistic	Std. Error	Statistic	Std. Error
Kerja Berkumpulan Kepimpinan	547	-.120	.104	-.418	.209
Kesesuaian Kursus	547	-1.16	.104	1.20	.209
Kesesuaian Jumlah Jam Kredit	547	-.838	.104	-.027	.209

3.2. Ujian Kebolehpercayaan

Keputusan ujian kebolehpercayaan yang dianalisis melibatkan soal selidik kemahiran insaniah. [Jadual 2](#) menunjukkan dapatan ujian kebolehpercayaan instrumen mencapai

tahap kebolehppercayaan yang baik dan boleh diterima, iaitu $\alpha=0.887$ berdasarkan Bond dan Fox (2007).

Jadual 2: Analisis Keputusan Ujian Kebolehppercayaan Kajian Rintis

Cronbach's Alpha	Cronbach's Alpha Based on Standardized Items	N of Items
.887	.888	7

3.3. Analisis Latar Belakang Demografi Responden

Latar belakang demografi responden telah dianalisis dan melibatkan maklumat demografi dan juga maklumat program responden (Jadual 3 dan Jadual 4). Jadual 3 menjelaskan latar belakang responden kajian melibatkan 547 responden. Daripada keseluruhan 547 orang responden, didapati 169 orang adalah lelaki. Jumlah tersebut 30.9 peratus daripada keseluruhan jumlah responden. Selebihnya, 378 orang (69.1 peratus) adalah perempuan. Seterusnya, berdasarkan umur responden seramai seorang (0.2 peratus) berumur 19 tahun, 98 orang (17.9 peratus) berumur 20 tahun, bagi responden berumur 21 tahun pula adalah seramai 284 orang (51.9 peratus), 102 orang (18.6 peratus) berumur 22 tahun, 48 orang (8.8 peratus) berumur 23 tahun, 12 orang (2.2 peratus) berumur 24 tahun, dan seramai dua orang (0.4 peratus) berumur 25 tahun. Dari aspek latar belakang fakulti, diperincikan pecahan responden pada Jadual 3, iaitu terdiri daripada FSSA 138 orang (25.2 peratus), FSSK 99 orang (18.1 peratus), FPP 109 orang (19.9 peratus), ASTIF 29 orang (5.3 peratus), FPEP 103 orang (18.8 peratus), FPRP 1 orang (0.2 peratus), FSMP 9 orang (1.6 peratus), FKI 24 orang (4.4 peratus), FSA 1 orang (0.2 peratus), FKJ 7 orang (1.3 peratus), FPT 18 orang (3.3 peratus) dan FPI 9 orang (1.6 peratus). Dari aspek latar belakang Kursus Ko-Kurikulum, diperincikan pecahan responden pada Jadual 3, iaitu terdiri daripada INTERIM dengan 100 orang (18.3 peratus), SUKSIS 61 orang (11.2 peratus), BAKTISISWA 191 orang (34.9 peratus), Seni Animasi 10 orang (1.8 peratus), Bomba dan Penyelamat 95 orang (17.4 peratus), Kembara 40 orang (7.3 peratus), Paramedik 33 orang (6.0 peratus), PALAPES 8 orang (1.5 peratus), SISPA 1 orang (0.2 peratus) dan Penyelenggaraan Komputer & Rangkaian 8 orang (1.5 peratus), manakala dari aspek latar belakang Program disertai diperincikan pecahan responden terdiri daripada 56 program dalam Jadual 4.

Jadual 3: Analisis Maklumat Demografi Responden

Demografi	Jumlah (Pelajar)	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	169	30.9
Perempuan	378	69.1
Umur (Tahun)		
19	1	.2
20	98	17.9
21	284	51.9
22	102	18.6
23	48	8.8
24	12	2.2
25	2	.4
Fakulti		
FSSA	138	25.2
FSSK	99	18.1
FPP	109	19.9

ASTIF	29	5.3
FPEP	103	18.8
FPRP	1	.2
FSMP	9	1.6
FKI	24	4.4
FSA	1	.2
FSA	1	.2
FKJ	7	1.3
FPT	18	3.3
FPI	9	1.6
Kursus Ko-Kurikulum		
INTERIM	100	18.3
SUKSIS	61	11.2
BAKTISISWA	191	34.9
Seni Animasi	10	1.8
Bomba & Penyelamat	95	17.4
Kembara	40	7.3
Paramedik	33	6.0
PALAPES	8	1.5
SISPA	1	.2

Jadual 4: Analisis Maklumat Program Responden

Bil	Program	Jumlah (Pelajar)	Peratus (%)
1	Sains Marin	10	1.8
2	Geografi	51	9.3
3	Perladangan Hutan Dan Perhutani	14	2.5
4	Matematik Grafik Berkomputer	16	2.9
5	Kejuruteraan Elektrikal Dan Elektronik	3	0.5
6	Psikologi Pembangunan Belia Dan Komuniti	23	4.2
7	Antropologi Dan Sosiologi Sosial	6	1.1
8	Akuakultur	18	3.3
9	Sejarah	19	3.5
10	Sains Komputer (Sains Data)	5	0.9
11	Teknologi Seni Visual	8	1.5
12	Pengurusan Kewangan Dan Perbankan	9	1.6
13	Pendidikan Dengan TESL	1	0.2
14	Planning And Development Economics	6	1.1
15	Biotechnology	27	4.9
16	Pemasaran	9	1.6
17	Kerja Sosial	15	2.7
18	Hubungan Antarabangsa	4	0.7
19	Keusahawanan	15	2.7
20	Komunikasi	23	4.2
21	Kimia Industri	28	5.1
22	Psikologi Kanak-Kanak Dan Keluarga	18	3.3
23	Kejuruteraan Rangkaian	11	2
24	Fizik Industri	13	2.4
25	Perniagaan Antarabangsa	9	1.6
26	Pengurusan Pelancongan	4	0.7
27	Pengajian Seni Kreatif	18	3.3
28	Teknologi Makanan Dan Bio Pemprosesan	3	0.6
29	Psychology Counseling	17	3.1
30	Kejuruteraan Elektronik Komputer	4	0.7
31	Taman Alam Semula Jadi Dan Rekreasi	3	0.5
32	Ekonomi Perancangan Dan Pembangunan	9	1.6

33	Pendasaran Islam	9	1.6
34	Psikologi (Kanak-Kanak Dan Keluarga)	8	1.5
35	Pengurusan Perhotelan	7	1.3
36	Matematik Dan Ekonomi	19	3.5
37	Sains Perhutanan Antarabangsa	7	1.3
38	Ekonomi Kewangan	9	1.6
39	Perhutanan Tropika Antarabangsa	1	0.2
40	Biology Pemuliharaan	3	0.5
41	Sains Sukan	14	2.6
42	Human Resource	7	1.3
43	Perakaunan	4	0.7
44	Sains Makanan Dan Pemakanan	6	1.1
45	Geologi	2	0.4
46	Sains Sekitaran	9	1.6
47	Seni Teknologi	1	0.2
48	Marine Science	1	0.2
49	Kejuruteraan Mekanikal	1	0.2
50	<i>Oil And Gas Engineering</i>	1	0.2
51	Teknologi Kayu & Industri	3	0.5
52	Penulisan	1	0.2
53	Seni Muzik	3	0.5
54	International Business	6	1.1
55	Hubungan Industri	5	0.9
56	Kejuruteraan Awam	1	0.2

3.4. Tahap Kesesuaian Jumlah Jam Kredit Kursus-Kursus Ko-Kurikulum

Dapatan kajian memaparkan maklum balas responden berhubung tahap kesesuaian jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum seperti diperincikan dalam [Jadual 5](#).

Jadual 5: Tahap Kesesuaian Jumlah Jam Kredit Kursus-Kursus Ko-Kurikulum

Pendapat Pelajar Berhubung Tahap Kesesuaian Jumlah Jam Kredit Kursus-Kursus Ko-Kurikulum Dilaksanakan	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
Sama sekali tidak sesuai - <i>Absolutely Inappropriate</i>	5	0.90
Tidak sesuai - <i>Inappropriate</i>	8	1.50
Sedikit Tidak Sesuai - <i>Slightly Inappropriate</i>	23	4.20
Neutral - <i>Neutral</i>	125	22.9
Sesuai Sedikit - <i>Slightly Appropriate</i>	26	4.80
Sesuai - <i>Appropriate</i>	198	36.2
Sangat Sesuai - <i>Absolutely Appropriate</i>	162	29.6

[Jadual 5](#) memperincikan maklum balas pelajar berhubung tahap kesesuaian jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum dilaksanakan. Didapati seramai 5 orang (0.9 peratus) pelajar menyatakan jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum dilaksanakan adalah sama sekali tidak sesuai, manakala 8 orang (1.5 peratus) pelajar menyatakan bahawa jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum dilaksanakan adalah tidak sesuai. Seramai 23 orang (4.2 peratus) pelajar memberi maklum balas bahawa jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum dilaksanakan adalah sedikit tidak sesuai. Seramai 125 orang (22.9 peratus) pelajar menyatakan neutral berhubung jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum dilaksanakan. Seramai 26 orang (4.8 peratus) pelajar memberi maklum balas jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum dilaksanakan adalah sesuai sedikit. Seramai 198 orang (36.2 peratus) pelajar menyatakan jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum dilaksanakan adalah sesuai, manakala seramai 162 orang (29.6 peratus)

pelajar memberi maklum balas jumlah jam kredit kursus-kursus ko-kurikulum dilaksanakan adalah sangat sesuai.

3.5. Tahap Kesesuaian Kursus-Kursus Program Ko-Kurikulum Berkredit

Dapatan kajian menunjukkan maklum balas responden berhubung tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit seperti diperincikan dalam [Jadual 6](#).

Jadual 6: Tahap Kesesuaian Kursus-Kursus Program Ko-Kurikulum Berkredit

Pendapat Pelajar Berhubung Tahap Kesesuaian Kursus-Kursus Program Ko-Kurikulum Berkredit	Bilangan Pelajar	Peratus (%)
Sama sekali tidak sesuai - <i>Absolutely Inappropriate</i>	4	0.70
Tidak sesuai - <i>Inappropriate</i>	4	0.70
Sedikit Tidak Sesuai - <i>Slightly Inappropriate</i>	9	1.60
Neutral - <i>Neutral</i>	92	16.8
Sesuai Sedikit - <i>Slightly Appropriate</i>	33	6.00
Sesuai - <i>Appropriate</i>	233	42.6
Sangat Sesuai - <i>Absolutely Appropriate</i>	172	31.4

[Jadual 6](#) memperincikan maklum balas pelajar berhubung tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit yang dilaksanakan. Didapati seramai 4 orang (0.7 peratus) pelajar menyatakan bahawa tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit adalah sama sekali tidak sesuai, manakala seramai 4 orang (0.7 peratus) pelajar memberi maklum balas bahawa tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit adalah tidak sesuai. Seramai 9 orang (1.6 peratus) pelajar menyatakan bahawa tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit adalah sedikit tidak sesuai. Seramai 92 orang (16.8 peratus) pelajar menyatakan neutral berhubung tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit. Seramai 33 orang (6.0 peratus) pelajar memberi maklum balas bahawa tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit adalah sesuai sedikit. Seramai 233 orang (42.2 peratus) pelajar menyatakan bahawa tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit adalah sesuai, manakala seramai 172 orang (31.4 peratus) pelajar memberi maklum balas bahawa tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit adalah sangat sesuai.

3.6. Tahap Kemahiran Insaniah (Kerja Berkumpulan dan Kepimpinan)

Dapatan kajian menunjukkan maklum balas responden berhubung tahap kemahiran insaniah (kerja berkumpulan dan kepimpinan) seperti diperincikan dalam [Jadual 7](#).

Jadual 7: Tahap Kemahiran Insaniah (Kerja Berkumpulan dan Kepimpinan)

Perkara	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap
Tahap Kemahiran Insaniah (Kerja Berkumpulan Dan Kepimpinan)	4.07	.56	Tinggi
D1 Saya berkebolehan menghormati pandangan pelajar lain	4.40	.601	Tinggi
D2 Saya menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan tugas	4.25	.683	Tinggi
D3 Saya berkebolehan menyumbang idea terhadap penyelarasan hasil usaha kumpulan	4.04	.762	Tinggi
D4 Saya membina hubungan baik dengan memberi kerjasama dalam kalangan ahli kumpulan	4.36	.669	Tinggi

D5	Saya berkebolehan memimpin aktiviti kumpulan	3.66	.853	Tinggi
D6	Saya berkebolehan mempamerkan kepimpinan berkesan	3.69	.825	Tinggi
D7	Saya berkebolehan memainkan peranan dengan bertanggungjawab dalam kumpulan	4.10	.733	Tinggi

Interpretasi Skor Min adalah berdasarkan [Sanger et al. \(2007\)](#), diperincikan maklum balas responden pada [Jadual 7](#) berkaitan kemahiran insaniah (kerja berkumpulan dan kepimpinan) dikenal pasti berada pada tahap tinggi (Min=4.07, SP=0.56). Maklum balas responden berhubung semua perkara yang ditanyakan dalam soal selidik dikenal pasti berada pada tahap tinggi, seperti berikut; D1. Saya berkebolehan menghormati pandangan pelajar lain” berada pada tahap tinggi (Min=4.40, SP=.601); D2. Saya menunjukkan kesungguhan dalam melaksanakan tugas (Min=4.25, SP=.683); D3. Saya berkebolehan menyumbang idea terhadap penyelarasan hasil usaha kumpulan (Min=4.04, SP=.762); D4. Saya membina hubungan baik dengan memberi kerjasama dalam kalangan ahli kumpulan (Min=4.36, SP=.669); D5. Saya berkebolehan memimpin aktiviti kumpulan (Min=3.66, SP=.853); D6. Saya berkebolehan mempamerkan kepimpinan berkesan (Min=3.69, SP=.825), dan; D7. Saya berkebolehan memainkan peranan dengan bertanggungjawab dalam kumpulan (Min=4.10, SP=.733).

4. Perbincangan

Dapatan kajian berhubung persoalan sama ada kursus-kursus ko-kurikulum mempunyai jumlah jam kredit yang relevan dapat memberi panduan kepada pihak Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) Universiti Malaysia Sabah untuk merancang aktiviti ko-kurikulum secara optimum mengikut keperluan penawaran jam kredit yang dituntut. Bagi dapatan kajian tentang persoalan sama ada kursus-kursus ko-kurikulum didapati sesuai dan berkesan dalam memupuk kemahiran insaniah dalam kalangan siswa dan siswi, dapatan kajian membuktikan 75% pelajar menyatakan kerelevanan program ko-kurikulum sesuai dilaksanakan. Statistik ini sangat penting dalam menentukan kejayaan acuan pembentukan modal insan yang dikehendaki Kerajaan Malaysia sesuai dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK). Ringkasnya, dapatan kajian ini boleh dimanfaatkan oleh Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) Universiti Malaysia Sabah untuk tujuan kelangsungan program ko-kurikulum yang lebih cemerlang. *Data driven* yang dihasilkan melalui kajian ini diharap dapat memberi panduan kepada pembuat dasar untuk membuat suatu keputusan yang tepat dan jitu sama ada kursus-kursus yang ditawarkan akan terus dikekalkan atau digugurkan ataupun diubahsuai.

5. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pelajar-pelajar mengikuti program ko-kurikulum pada Semester 2 Sesi 2021-2022 kendalian PKPP di UMS menyatakan jumlah jam kredit kursus-kursus Ko-Kurikulum Berkredit yang mereka sertai adalah sesuai dan sangat sesuai dilaksanakan. Demikian juga tahap kesesuaian kursus-kursus program ko-kurikulum berkredit yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Sabah dikenal pasti berada pada tahap sesuai dan sangat sesuai. Bagi dapatan berhubung tahap kemahiran insaniah (kerja berkumpulan dan kepimpinan) pula turut dikenal pasti berada pada tahap tinggi. Menerusi kajian tinjauan penilaian yang dijalankan secara kuantitatif ini, dapat memberi gambaran bahawa program ko-kurikulum berkredit di UMS mempunyai tahap kesesuaian jumlah jam kredit, tahap kesesuaian kursus-kursus dalam program ko-kurikulum berkredit adalah pada tahap sesuai dan sangat sesuai. Tahap kemahiran insaniah (berkumpulan dan kepimpinan) berada pada tahap tinggi ke sangat tinggi. Ini

dapat menunjukkan kewajaran program ko-kurikulum ber kredit untuk kekal diteruskan penawarannya.

Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada semua pihak sama ada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini, terutama sekali kepada Pusat Penyelidikan dan Inovasi, Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan kajian ini, Pusat Ko-kurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) atas kebenaran dan kerjasama yang diberikan untuk menjayakan kajian ini. Sekalung penghargaan juga kepada pelajar-pelajar semester 2 sesi 2021-2022 yang sudi menjadi responden kajian.

Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini ditaja melalui geran penyelidikan Universiti Malaysia Sabah di bawah kod geran SDK0093.

Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Penulis melaporkan tiada sebarang konflik kepentingan berkenaan penyelidikan, pengurangan atau penerbitan kajian ini.

Rujukan

- Bond, T. & Fox, C. (2007). *Applying the Rasch model: Fundamental measurement in the human sciences (2nd)*. Mahwah, NJ: LEA.
- Hair, J. F., Black, W. C., Babin, B. J., & Anderson, R. E. (2010). *Multivariate data analysis (7th ed.)*. Prentice Hall.
- Ismalee Ismail. (2015). *Penilaian Kokurikulum Sukan Dan Permainan Dengan Menggunakan Model CIPP*. (Disertasi Master tidak diterbitkan) Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Azam Muhamad Akhir Muhammad, Nubli Abdul Wahab & Zarina Mohd Ali (2016). Pengukuran dan Penilaian Tahap Emosi Pelajar dalam Aktiviti Kokurikulum: Permasalahan dan Cadangan. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 1(2), 72-82.
- Sanger, D., Spliker, A., Williams, N., dan Belau, D. 2007. Opinion of Female Juvenile Delinquents on Communications, Learning dan Violence. *Journal of Corectional Education*, 58(1), 69-92.
- Stufflebeam, D. L. & Shinkfield, A. J. (2007). *Evaluation Theory, Models and Applications*. Jossey-Bass A Wiley Imprint.
- Tabachnick, B. G., & Fidell, L. S. (1996). *Using Multivariate Statistics (3rd ed.)*. Harper Collins.

Universiti Malaysia Sabah (2017). *UMS Prospektus Prasiswazah, 2017-2018*. Universiti Malaysia Sabah.